

Mengiktiraf peranan perpustakaan, hargai sumbangan pustakawan

BERITA HARIAN

6/6/2017 p. 38

Tarikh 6 Jun setiap tahun diisytihar Hari Pustakawan Kebangsaan. Pustakawan bertugas di Perpustakaan atau Pusat Maklumat. Di negara kita, ia sebenarnya disambut pada peringkat kebangsaan sejak tiga tahun lalu. Kerjaya ini sama pentingnya di dalam pembangunan negara.

Pustakawan berperanan sebagai arsitek di dalam pembangunan ilmu pengetahuan kepada masyarakat dan negara. Ilmu hasil bimbingan dan tunjuk ajar Pustakawan mampu membebaskan diri dari kemiskinan, kejahilan dan lain-lain cabaran pada masa kini.

Di negara ini, lulusan dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat bermula pada 1968 apabila Institut Teknologi MARA, (kini Universiti Teknologi MARA - UiTM) menubuhkan kursus Diploma Sains Perpustakaan. Sehingga kini, Fakulti Pengurusan Maklumat mengeluarkan ribuan lulusan dalam bidang berkenaan.

Kini, Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Industri Selangor turut mengeluarkan graduan dalam bidang pengurusan perpustakaan dan maklumat ini. Dalam era kepesatan teknologi maklumat ini, peranan Pustakawan dilihat semakin mencabar dan sengit.

Ledakan maklumat menyebabkan data dan maklumat terlalu

besar dan menyukarkan. Maklumat ini wujud di dalam pelbagai bentuk dan format. Pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang tersebut sangat perlu untuk menuhi kehendak pengguna dari pelbagai peringkat.

Dalam perpustakaan akademik contohnya, pustakawan perlu mahir dengan kehendak dan keperluan penyelidik yang memerlukan bantuan untuk menyalurkan maklumat yang diperlukan bagi membantu di dalam penyelidikan mereka. Tanggungjawab mereka untuk membantu dan menunjuk ajar menggunakan pangkalan data mampu mendapatkan sumber maklumat terkini dan relevan dengan keperluan mereka.

Bantu pemudah urusan

Di samping itu, membantu pelajar yang baru bergelar mahasiswa menuhi dan mempelajari penggunaan teknologi di perpustakaan untuk melakukan pencarian baham di perpustakaan menjadi tanggungjawab mereka yang berada di perpustakaan universiti awam.

Melalui aktiviti di perpustakaan awam pula ianya bertujuan menggalakkan aktiviti budaya membaca tersemai dalam kalangan masyarakat. Banyak aktiviti dibuat perpustakaan awam melalui perpustakaan daerah dan desa bertujuan menarik komuniti setempat me-



Pustakawan perlu mahir dengan kehendak dan keperluan penyelidik yang memerlukan bantuan untuk menyalurkan maklumat yang diperlukan bagi membantu di dalam penyelidikan mereka.

Tanggungjawab mereka untuk membantu dan menunjuk ajar menggunakan pangkalan data mampu mendapatkan sumber maklumat terkini dan relevan dengan keperluan mereka”

ngunjungi perpustakaan.

Peranan pustakawan bertugas di perpustakaan khusus seperti Perpustakaan Undang-Undang dan Perpustakaan Perubatan perlu tujuh dan menguasai ilmu pengetahuan bidang itu. Di samping itu, mereka perlu juga tahu serba sedikit mengenai bidang lain berkaitan profesiion.

Cabaran urus maklumat

Oleh itu, dengan perkembangan dan kepesatan teknologi masa kini, cabaran dalam mengurus maklumat perlu dilakukan perubahan bukan sahaja oleh pustakawan tetapi juga organisasi tempat mereka bekerja. Pustakawan dan seluruh profesional maklumat perlu ambil peranan untuk mentransformasi masyarakat supaya menjadi lebih kreatif dan inovatif.

Perancangan lebih teratur dan sistematis perlu bagi menjadikan usaha sangat berharga kepada komuniti. Perpustakaan sendiri perlu tingkatkan kerjasama dan mengadakan kolaborasi dengan entiti lain bagi menjadikan ia bukan sahaja gedung ilmu malahan juga pusat pengajaran, penyelidikan untuk membantu masyarakat dan komuniti dengan pelbagai program disediakan.

Perpustakaan sendiri perlu memperuntukkan bajet sesuai untuk membiayai kemudahan dan

peralatan di dalam perpustakaan. Di kala ekonomi kurang membezangsangkan, pentadbir perpustakaan perlu berfikir secara kreatif untuk terus adakan aktiviti yang galakkan pengguna maklumat ini untuk kekal aktif menggunakan perkhidmatan dan kemudahan di perpustakaan.

Besarlah harapan kami agar kerjaya pustakawan ini ditambah baik untuk menjadikan ia menjadi kerjaya lebih menarik dan kekal relevan pada masa akan datang. Peluang kenaikan pangkat dengan lebih luas perlu diberikan bersaskan kecemerlangan pustakawan atau kepada mereka yang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi mampu menjadikan penjawat jawatan ini berasa dihargai oleh majikan.

Akhir sekali, kami seluruh pustakawan mengucapkan terima kasih kepada pensyarah yang telah mendidik kami, serta pustakawan terdahulu di atas sumbangan kepada masyarakat di dalam membangunkan gedung ilmu dan pengetahuan untuk pembangunan negara dan masyarakat.



Azizan Arshad,
Pustakawan,
Perpustakaan Sultan
Abdul Samad,
Universiti Putra Malaysia